

**Lima Bekas Anggota SPDP Kekal Dalam BN - Speaker
Bernama
14 Februari , 2012**

KUCHING, 14 Feb (Bernama) -- Lima anggota Parti Demokratik Progresif Sarawak (SPDP) yang ditamatkan keanggotaan awal Januari lalu kekal dalam Barisan Nasional (BN), kata Speaker Dewan Undangan Negeri Datuk Amar Mohd Asfia Awang Nassar di sini.

Beliau berkata mengikut Peraturan Mesyuarat 2 Sidang Dewan Undangan Negeri, mereka masih lagi anggota komponen BN yang dipengerusikan Ketua Menteri di peringkat negeri dan Perdana Menteri di peringkat pusat.

"Mereka masih anggota BN secara sah walaupun telah dilucutkan keanggotaan dalam parti yang menjadi komponen BN (SPDP) itu," katanya ketika sesi soal jawab bersama peserta kursus Zamalah Wartawan Muda 1Malaysia 2012 di Auditorium Dewan Undangan Negeri Sarawak di sini Selasa.

Katanya tidak timbul isu mereka hilang keanggotaan dalam BN walaupun tidak lagi menjadi anggota SPDP ketika ini.

Mohd Asfia berkata tiga daripada lima anggota SPDP itu masih memegang portfolio sebagai Menteri Muda dan masih kekal dalam Kabinet Sarawak manakala seorang lagi Anggota Parlimen.

Mereka ialah Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Marudi Datuk Sylvester Entri Muran yang juga Menteri Muda Kemudahan Awam (Bekalan Air); Adun Tasik Biru Datuk Peter Nansian Ngusie selaku Menteri Muda Pembangunan Prindustri; Adun Bekenu Rosey Yunus selaku Menteri Muda Pendidikan Awal Kanak-kanak dan Pembangunan Keluarga; Adun Batu Danau Paulus Palu Gumbang serta Anggota Parlimen Mas Gading Datuk Dr Tiki Lafe.

Ditanya sama ada Sarawak turut membubarkan Dewan Undangan Negeri sekiranya Parlimen dibubar dalam masa terdekat untuk memberi laluan kepada Pilihan Raya Umum Ke-13 serentak di seluruh negara, Mohd Asfia berkata ia bergantung kepada kuasa Yang Dipertua Negeri atas nasihat Ketua Menteri.

Pada pilihan raya negeri 16 April tahun lalu, BN Sarawak menang 55 kerusi DUN manakala pembangkang 15 kerusi dan satu lagi dimenangi calon Bebas.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=645627>